Soalan 3

Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. *Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Bahan 1

Kepada: udin24@gmail.com

Dari: amir24@gmail.com

Perkara: Tawaran Kursus Pertanian

Saudaraku Udin,

Selamat sejahtera sepupuku yang sudah lama tidak bersua. Apa khabar kamu di kampung? Saya sekeluarga dalam keadaan yang baik. Diharapkan kamu sekeluarga sihat hendaknya. Tujuan saya menulis emel ini ialah untuk mengajak kamu menyertai kursus pertanian memandangkan kita mempunyai tanah terbiar peninggalan datuk kita. Lagipun, kita berdua mempunyai masa lapang kerana baru sahaja tamat pengajian dalam universiti.

2. Untuk maklumat kamu, kursus ini akan diadakan pada hari Sabtu dan Ahad. Sekiranya kamu berminat untuk memasuki kursus ini, saya akan membuat permohonan melalui http://edubestari.com dengan segera. Ini merupakan peluang keemasan untuk kita mendapat pengalaman yang berharga dengan orang yang pakar.

3. Saya berharap kamu bersetuju dengan cadangan saya ini memandangkan ini batu loncatan untuk kita belajar tentang ilmu pertanian. Tidak sabar rasanya ingin berjumpa dengan kamu di kampung. Jumpa nanti, sepupuku. Jaga diri.

Yang benar,
Amir binti Hamzah

[5 *markah*]

Bahan 2

Kepada: amir24@gmail.com

Daripada: udin24@gmail.com

Perkara: Tawaran Kursus Pertanian

Saudaraku Amir,

Salam sejahtera. Alhamdulillah, saya di sini sihat sejahtera disamping keluarga. Terima kasih kerana menghebahkan tentang kursus pertanian ini. Saya telah berbincang dengan ibu dan ayah. Mereka sangat bersetuju dengan cadangan Amir itu.

2. Untuk pengetahuan Amir, ayah saya sangat mengalakkan kita berdua berbakti kepada tanah. Ini kerana tanah akan membuahkan hasil yang lumayan.

LIVEWORKSHEETS

3. Oleh itu, minggu depan saya akan pulang kampung dan kita akan sama-sama menyertai khusus pertanian itu. Jumpa nanti, sepupuku.

Yang benar
Udin Binti Zamani.

[6 *markah*]

LIVEWORKSHEETS